

# Kerajaan ambil kira pandangan pelbagai pihak laksana IPCMC

**Putrajaya:** Kerajaan akan mendengar dan mengambil kira pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan berhubung penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC).

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau juga bersedia bertemu wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mendengar pandangan pihak berkenaan berhubung IPCMC.

"Ini kerana ada pihak yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan cadangan penubuhan IPCMC.

"Kita akan mendengar pandangan umum sebelum membuat sebarang keputusan," katanya selepas merasmikan Platform e-Dagang Digital BOCE Malaysia/ ASEAN di sini, semalam.

## **Mahu bertemu Perdana Menteri**

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, pada sidang media sempena program Jualan Buku Mes PDRM Pada Era 100 Tahun di Bukit Aman di sini, semalam, berkata pihaknya akan berjumpa Perdana Menteri bagi membincangkan usul penubuhan IPCMC itu.

Katanya, polis sudah menulis surat berhubung perkara sama kepada pucuk kepimpinan kerajaan bagi menyampaikan bantahan yang mewakili warga PDRM di seluruh negara termasuk pesara polis.

## **Tentang pelaksanaan IPCMC**

"Perkara ini dibincangkan dalam mesyuarat tergepar yang diadakan baru-baru ini, ekoran beberapa keputusan yang pada asalnya kami (PDRM) persetujuan namun kebelakangan ini wujud banyak tentangan berhubung pelaksanaan IPCMC.

"Tentangan itu disuarakan banyak pihak dalam PDRM termasuk lebih 153,000 pesara polis berhubung beberapa perkara yang diusulkan oleh jawatankuasa yang terbabit (dalam IPCMC).

"Ini terutamanya berkaitan usaha menarik kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) di bawah Artikel 140 Perlembagaan Persekutuan berhubung isu-isu berkaitan siasatan dan tindakan tatatertib yang mahu diambil alih oleh IPCMC," katanya.

Artikel 140 Perlembagaan Persekutuan menggariskan SPP yang dianggotai Menteri Dalam Negeri bertanggungjawab terhadap pelantikan naik pangkat dan isu tatatertib.